

DASAR TANAM SEMULA

1. **Apakah syarat untuk tanam semula?**

Jawapan:

Syarat untuk tanam semula ialah seperti berikut:

Sawit:

- *Peneroka telah habis Bayaran Kembali*
- *Mendapat persetujuan JKKR*
- *Pendapatan peneroka kurang daripada RM800/bulan atau hasil kurang daripada 13.6 tan sehektar setahun*
- *Mendapat kelulusan Jawatankuasa Tanam Semula Ibu Pejabat dan Lembaga Felda jika tidak memenuhi syarat di atas dengan alasan yang munasabah*
- *Ketinggian pokok melebihi 50 kaki (15 meter), bagi sawit*
- *Umur pokok yang dituai melebihi 25 tahun.*

Getah:

- *Peneroka telah habis Bayaran Kembali dan jika belum habis BK perlu ditolak dari jualan kayu getah*
- *Mendapat persetujuan JKKR*
- *Pendapatan peneroka kurang daripada RM800/bulan atau hasil kurang daripada 1000 kg sehektar setahun.*
- *Mendapat kelulusan Jawatankuasa Tanam Semula Ibu Pejabat dan Lembaga Felda jika tidak memenuhi syarat di atas dengan alasan yang munasabah*
- *Panel torehan parah dan tiada tempat lagi untuk ditoreh setelah dilakukan eksploitasi hasil*

2. Apakah faktor yang menentukan jenis tanaman sewaktu tanam semula?

Jawapan:

Jenis tanaman sewaktu tanam semula ditentukan oleh faktor-faktor berikut:

- *Taburan hujan*
- *Jenis tanah*
- *Bentuk muka bumi*
- *Mengikut zon tanaman yang ditetapkan oleh badan berwajib (MPOB, LGM, Jabatan Pertanian dan FELDA)*

3 Adakah peneroka diberi pilihan untuk menentukan jenis tanaman sewaktu tanam semula?

Jawapan:

Penjelasan dan perundingan bersama JKRR akan dilaksanakan terlebih dahulu, berdasarkan faktor kesesuaian tanaman dan pulangan ekonomi kepada peneroka sebelum jenis tanaman ditentukan.

4 Bolehkah peneroka menanam semula dengan dua jenis tanaman dalam satu lot?

Jawapan:

FELDA tidak membenarkan peneroka menanam dua jenis tanaman dalam satu lot kerana ia menyukarkan FELDA untuk mengurus kebun tersebut.

5. Apakah perlu dibuat pertukaran syarat penggunaan tanah bila berlaku perubahan tanaman sewaktu tanam semula?

Jawapan:

- *Ya, bila berlaku perubahan tanaman sewaktu tanam semula, pertukaran syarat penggunaan tanah perlu di buat.*
- *Pertukaran ini dikenakan kadar bayaran yang ditetapkan oleh negeri masing-masing seperti yang termaktub dalam Kanun Tanah Negara dan di bayar oleh peneroka.*

6. Adakah semua peneroka diwajibkan mengambil sara hidup?

Jawapan:

Peneroka tidak diwajibkan mengambil sara hidup tetapi FELDA menyediakan kemudahan ini bagi membolehkan peneroka membiayai perbelanjaan keluarga sebelum kebun mengeluarkan hasil.

7. Bagaimanakah proses penjualan kayu getah dijalankan?

Jawapan:

Proses penjualan kayu getah adalah seperti berikut:

- *Anggaran tan/ha kayu getah yang akan dikeluarkan akan dibuat terlebih dahulu*
- *Urusan tender diuruskan oleh FELDA secara terbuka mengikut pecahan blok dan ditawarkan kepada penender yang memberi harga tertinggi*
- *Pemborong hanya dibenarkan masuk kerja setelah wang belian kayu getah dibayar sepenuhnya kepada peneroka*
- *Peneroka akan dibayar baki wang kayu getah setelah ditolak hutang FELDA*
- *Mematuhi peraturan Surat Pekeliling TPB – Operasi 6/2007 bertajuk Panduan Pengeluaran Kayu Getah.*

8. Adakah kebun tanam semula di insuranskan ?

Jawapan:

Ya, kebun tanam semula akan di insurans dan dilindungi selagi peneroka bersama FELDA dan membuat caruman dengan kadar RM10 seekar setahun, bermula selepas siap kerja menanam. Kos insuran sebelum siap kerja menanam dikira sebahagian kerja operasi tanam semula.

9. **Bolehkah kerja tanam semula dilaksanakan dengan hanya melibatkan sebahagian sahaja dari satu-satu peringkat di rancangan, manakala sebahagian dari peringkat tersebut tidak ditanam semula?**

Jawapan:

- *Pembangunan tanam semula bagi sesuatu peringkat tidak boleh dilaksanakan sebahagiannya kerana pelaksanaan secara berperingkat-peringkat akan menambah kos kerja tanam semula.*
- *Kerja tanam semula yang dilaksanakan secara berkelompok dapat mengawal kos di tahap yang rendah dan kebun dapat diurus dengan cekap*
- *Pelaksanaan penanaman secara berperingkat akan dibuat kajian terlebih dahulu untuk dipertimbangkan jika terdapat alasan yang munasabah*

10. **Apakah status FELDA Technoplant Sdn. Bhd (FTPSB) dalam pengurusan kerja tanam semula?**

Jawapan:

FELDA Technoplant Sdn. Bhd (FTPSB) bertindak sebagai agen pengurusan kerja tanam semula yang dilantik oleh FELDA.

11. **Apakah rasional FELDA melantik FTPSB menguruskan tanam semula?**

Jawapan:

- *FTPSB dilantik sebagai agen pengurusan tanam semula supaya kebun peneroka dapat diurus secara berkelompok di bawah satu pengurusan.*
- *Mengurangkan kos kerana kebun diuruskan secara berskala besar.*
- *FTPSB mempunyai kepakaran untuk menguruskan kebun dengan berskala besar.*
- *Meningkatkan pendapatan serta menjaga perpaduan masyarakat.*
- *Pengurusan oleh FTPSB adalah dikhususkan kepada ladang sahaja dengan mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP).*

12. Bilakah kakitangan FTPSB ditempatkan di sesebuah rancangan untuk membuat persiapan kerja tanam semula?

Jawapan:

Kakitangan FTPSB akan ditempatkan di sesebuah rancangan 3 bulan sebelum kerja tanam semula bermula. Bagi rancangan yang menyediakan tapak semaian penempatan kakitangan dilaksanakan setahun lebih awal.

13. Bolehkah kebun peneroka yang dipajak atau digadai, ditanam semula oleh FELDA?

Jawapan:

- *Boleh, kebun peneroka yang dipajak atau digadai boleh ditanam semula oleh FELDA, dengan syarat peneroka menyelesaikan dahulu bayaran pajakan dan gadaian serta tiada tuntutan oleh pemajak selepas bayaran dibuat*
- *Bagi pajakan dan gadaian dengan institusi yang berdaftar, perundingan dan persetujuan di antara FELDA, peneroka dan institusi berkenaan perlu diperolehi*

14. Bilakah peneroka perlu menandatangani surat perjanjian?

Jawapan:

Peneroka perlu menandatangani surat perjanjian setelah mendapat kelulusan tanam semula oleh FELDA dan peneroka bersetuju dengan syarat yang terkandung dalam surat perjanjian.

15. Siapakah yang boleh menandatangani surat perjanjian tanam semula selepas peneroka meninggal dunia?

Jawapan:

Selepas peneroka meninggal dunia, pengganti akan dilantik dari kalangan waris kadim atau pentadbir seperti yang diputuskan oleh Pentadbir

Pusaka/Pejabat Tanah. Pengganti peneroka tersebut berhak untuk menandatangani surat perjanjian tanam semula berkenaan

16. Apakah jenis surat perjanjian yang digunakan untuk tanam semula?

Jawapan:

Peneroka hanya perlu menandatangani sejenis surat perjanjian sahaja iaitu Surat Perjanjian Pengurusan Tanam Semula

17. Adakah generasi kedua diberi penerangan mengenai kandungan surat perjanjian tanam semula?

Jawapan:

- *Penerangan mengenai kandungan surat perjanjian tanam semula diberikan semasa kempen tanam semula kepada semua pihak di rancangan.*
- *Satu salinan surat perjanjian yang telah ditandatangani akan diberi kepada peneroka*

18. Mengapa FELDA meminta peneroka bersetuju mengkaveatkan tanah peneroka dalam surat perjanjian tanam semula?

Jawapan:

FELDA perlu melindungi kepentingannya dan hak FELDA yang telah mendahulukan perbelanjaan sewaktu tanam semula dilaksanakan.

19. Bilakah kempen dan penerangan tanam semula perlu dibuat?

Jawapan:

Kempen dan penerangan tanam semula dibuat setelah sesuatu rancangan mendapat kelulusan tanam semula dari FELDA dan dua tahun sebelum kerja-kerja tanam semula dijalankan

20. Adakah peneroka dibenarkan mengambil hasil sebelum lotnya ditebang?

Jawapan:

Peneroka hanya dibenarkan mengambil hasil sawit/getah sebelum sara hidup dibayar.

- 21. Apakah peraturan FELDA terhadap pembeli yang berminat untuk membeli batang dan pelepah sawit yang akan ditebang untuk ditanam semula?**

Jawapan:

Jualan akan dilakukan secara tender terbuka oleh FELDA dan hasilnya akan dikembalikan kepada peneroka atau digunakan untuk menampung kos pembangunan tanam semula.

- 22. Adakah semua peneroka dimestikan menyertai tanam semula bersama FELDA?**

Jawapan:

- *Semua peneroka dikehendaki menyertai tanam semula bersama FELDA secara berkelompok*
- *Ia memudahkan pemantauan dibuat oleh Felda, Jawatankuasa tanam semula dan kos operasi dapat dikawal pada tahap yang sebaiknya*
- *Hutang lama dapat dikutip dan peneroka mendapat pendapatan yang terjamin di bawah pengurusan Felda.*

- 23. Apakah kriteria pemilihan kontraktor dan pemborong dalam melaksanakan kerja tanam semula?**

Jawapan:

Pemilihan kontraktor dibuat melalui tender yang diuruskan oleh FELDA. Kontraktor dipilih berdasarkan kepada tawaran harga yang kompetitif, berkemampuan dan berpengalaman.

- 24. Adakah koperasi diberi keutamaan dalam kontrak kerja tanam semula?**

Jawapan:

Koperasi yang kemampuan dan pengalaman akan diberi keutamaan untuk menjalankan kerja tanam semula.

25. Adakah jalan pertanian dibuat dan diperbaiki semasa kerja tanam semula?

Jawapan:

Jalan pertanian akan dibuat dan diperbaiki berdasarkan keperluan. Ia menggunakan peruntukkan tanam semula dan jika tidak mencukupi ia akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanam Semula supaya kos tersebut dikira operasi kebun dan perlu ditanggung oleh peneroka.

26. Bolehkah FELDA memperbetulkan jajaran jalan pertanian yang sedia ada?

Jawapan:

FELDA boleh membetulkan jajaran jalan pertanian mengikut keperluan semasa dan kos akan dimasukkan ke dalam kos pembangunan tanam semula. Kerja ini hanya melibatkan jalan pertanian kedua (subsidiary road) sahaja dan tidak termasuk jalan utama (main road) serta tidak menjejaskan batu sempadan.

27. Bolehkah FELDA mengambil tanah laterit dari lot peneroka untuk menaik taraf jalan-jalan pertanian?

Jawapan:

FELDA boleh mengambil tanah laterit dari lot peneroka untuk menaik taraf jalan pertanian setelah rundingan dibuat dan mendapat persetujuan dari tuan lot

28. Adakah pandangan peneroka diambil kira sewaktu kerja pembangunan tanam semula dibuat?

Jawapan:

Sudah tentu pandangan peneroka akan diambil kira sewaktu kerja pembangunan tanam semula dibuat, asalkan pandangan tersebut disalurkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tanam Semula peringkat rancangan

29. Bilakah Jawatankuasa Tanam Semula mula ditubuhkan di peringkat rancangan dan siapakah ahli-ahli jawatan kuasa mesyuarat tersebut?

Jawapan:

- *Jawatankuasa Tanam Semula ditubuhkan selepas pokok sawit atau getah mula ditebang*
- *Pengerusi Jawatan kuasa ialah Pengurus FELDA. Ahli-ahlinya terdiri dari Pengurus FTPSB, Timbalan Pengerusi JKKR/Pengerusi JKKK, Wakil setiap blok, Pengerusi Koperasi, GPW dan Belia*
- *Mesyuarat perlu diadakan sekurang kurangnya sekali sebulan*

30. Bolehkah pengurus FTPSB menghadiri mesyuarat JKKR di peringkat rancangan?

Jawapan:

Pengurus FTPSB boleh menghadiri Mesyuarat JKKR sebagai wakil undangan jika dikehendaki oleh pengerusi.

31. Benarkah FTPSB mengaut keuntungan dan tidak dipulangkan kepada peneroka? Adakah peneroka patut diberikan saham?

Jawapan:

- *Sumber pendapatan FTPSB adalah melalui bayaran levi pengurusan sebanyak RM10 seekar sebulan yang diterima dari FELDA semasa tempoh pembangunan tanam semula*
- *Apabila kebun mula berhasil, peneroka akan dikenakan levi pengurusan dengan kadar RM10 seekar sebulan*
- *FTPSB adalah anak syarikat FELDA Holdings di mana 51% kepentingan ekuitinya dimiliki oleh Koperasi Permodalan FELDA (KPF)*

- *Peneroka akan mendapat keuntungan melalui dividen dan bonus yang dibayar oleh KPF*
- *FTPSB adalah syarikat yang dilantik oleh FELDA sebagai agen pengurusan untuk menawarkan perkhidmatan terbaik*

32. Di manakah tempat peneroka ingin mengadu jika tidak berpuas hati dengan pengurusan kebun?

Jawapan:

Peneroka boleh membuat aduan mengenai urusan tanam semula melalui Pengurusan rancangan FELDA, Jawatankuasa Tanam Semula Rancangan dan JKRR/JKKK.

33. Adakah perlu pengurus FTPSB ditempatkan di setiap rancangan tanam semula ?

Jawapan:

Pengurus FTPSB akan ditempatkan di setiap rancangan tanam semula berdasarkan pada keperluan tugas

34. Bolehkah bayaran cukai tanah diuruskan oleh FTPSB?

Jawapan:

Peneroka perlu membayar sendiri bayaran cukai tanah dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri.

35. Siapakah yang bertanggungjawab untuk membuat bancian ke atas batu sempadan?

Jawapan:

- *Pengurus FELDA akan membuat bancian ke atas batu sempadan bersama peneroka dan disahkan oleh Pengurus FTPSB. Kerja ini perlu disiapkan sebelum kerja tanam semula.*
- *Kerja mencari dan mengganti batu akan dimasukkan dalam sebahagian kos pembangunan tanam semula.*

36. Adakah peneroka layak untuk menuntut ganti rugi sekiranya kebun tidak diuruskan dengan baik?

Jawapan:

- *Denda akan dikenakan kepada pemborong sekiranya gagal menjalankan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan kutipan denda akan dimasukkan ke dalam akaun peringat.*
- *FELDA akan menentukan sebaik mungkin kerja tanam semula mengikut Amalan Pertanian Baik (GAP)*

37. Adakah mutu anak benih yang dikeluarkan oleh FELDA berkualiti?

Jawapan:

- *Biji benih yang digunakan untuk tanam semula, dikeluarkan oleh anak syarikat FELDA iaitu FELDA Agricultural Services Sdn. Bhd (FASSB). Biji benih telah disahkan dan terbukti mempunyai kualiti yang tinggi.*
- *Penghasilan bahan tanaman adalah dari sumber biji benih yang baik dan pengurusan tapak semaian yang sempurna dan terbaik dilaksanakan bagi mengeluarkan bahan tanaman yang bermutu tinggi*
- *Penubuhan tapak semaian mendapat Sijil Oil Palm Nursery Certificate (OPNC) yang dikeluarkan oleh MPOB*

38. Adakah benih sawit dari pembekal lain selain daripada FELDA, boleh digunakan sebagai bahan tanaman?

Jawapan:

Pembelian anak getah dan sawit dari pembekal lain tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan dari FELDA.

39. Apakah kemudahan yang masih diperolehi oleh peneroka setelah kebun di tanam semula?

Jawapan:

Setelah kebun ditanam semula, peneroka layak mendapat insentif dan kemudahan yang diberikan oleh FELDA seperti bonus produktiviti, pinjaman pembesaran rumah, pinjaman pelajaran tinggi, SIUF dan lain-lain.

40. Adakah kawasan kosong dan paya perlu dimajukan semasa pembangunan tanam semula?

Jawapan:

Ya, kawasan-kawasan tersebut akan dimajukan kerana ia adalah sebagai langkah untuk mengawal serangan musuh dan penyakit.

41. Bagaimanakah pengagihan pendapatan dari ladang kepada waris dibuat apabila peneroka meninggal dunia?

Jawapan:

Waris perlu mendapatkan persetujuan keluarga melalui pentadbir pusaka di Pejabat Tanah. Hanya seorang sahaja akan dilantik sebagai pengganti dan segala urusan kebun serta agihan pendapatan ladang diserahkan kepada pengganti yang diiktiraf.

42. Adakah potongan jalan pertanian dikenakan kepada peneroka dalam kerja-kerja menanam semula?

Jawapan:

- *Pengurusan jalan pertanian merupakan salah satu aktiviti yang penting dalam operasi ladang*
- *Segala perbelanjaan yang melibatkan jalan pertanian akan dikira sebagai sebahagian daripada kos operasi ladang dan di puratakan mengikut purata keluasan kebun*

- *Kos ini ditanggung oleh peneroka*

43. Apakah faedah jangka masa panjang bagi peneroka yang tanam semula bersama FELDA?

Jawapan:

Peneroka yang tanam semula bersama FELDA akan menikmati kelebihan seperti berikut:

- *Kebun diuruskan dengan sistematik dan baik untuk mendapat penghasilan yang tinggi*
- *Peneroka mendapat pendapatan yang stabil setiap bulan*
- *Pengurusan berskala besar lebih menjimatkan kos berbanding pengurusan secara individu*
- *Peneroka boleh menambah pendapatan dengan melibatkan diri dalam usaha sampingan*
- *Bagi peneroka yang telah berusia, uzur, janda dan sebagainya, kebun diuruskan dengan baik dan mereka hanya menerima pendapatan tetap setiap bulan.*
- *Mengelakkan eksploitasi orang tengah seperti memajak, menyewa dan membeli hasil tanpa kawalan harga.*
- *Peneroka mendapat khidmat dari FELDA yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan ladang*
- *Peneroka mendapat kemudahan pinjaman yang disediakan oleh FELDA seperti SIUF, pinjaman pembesaran rumah, pinjaman pelajaran tinggi dan sebagainya.*

44. Bilakah kerja menanam mesti disiapkan?

Jawapan:

Dalam keadaan biasa, kerja menanam mesti disiapkan dalam tempoh enam hingga lapan bulan dari tarikh mula tebang.

45. Berapa lamakah tempoh sulaman?

Jawapan:

Sulaman dilakukan dalam tempoh setahun selepas tanam semula. Bahan tanaman Advance Planting Material (APM) akan digunakan bagi tujuan ini.

46. Adakah perlu peneroka membuat pengesahan siap tanam dan siap sulam?

Jawapan:

Peneroka perlu membuat pengesahan dalam tempoh 3 bulan selepas siap tanam. Peneroka dianggap bersetuju sekiranya pengesahan tidak dibuat dalam tempoh tersebut.

47. Bilakah ternakan perlu dikeluarkan apabila rancangan akan ditanam semula dan apakah masa yang sesuai bagi ternakan dimasukkan kembali ke kebun?

Jawapan:

- *Bagi tanaman kelapa sawit, ternakan perlu dikeluarkan tiga bulan sebelum kerja penebangan dilakukan. Ternakan dibenarkan masuk ke kebun selepas pokok mencapai umur lapan tahun*
- *Bagi tanaman getah, ternakan dilarang sama sekali berada di dalam kebun*

48. Adakah peneroka dibenarkan untuk mengusahakan tanaman kontan semasa tanam semula?

Jawapan:

- *Peneroka digalakkan mengusahakan tanaman kontan selagi tidak mengganggu urusan kerja tanam semula dan memberi kesan kepada tanaman utama*
- *Peneroka perlu mengikut peraturan yang ditetapkan oleh FELDA.*

- *Tanaman hanya boleh diusahakan bagi tempoh tahun pertama pembangunan sahaja. Antara tanaman kontan ialah tembikai, cili, jagung, ubi keledek, labu, jenis sayur sayuran dan tanaman lain yang disyorkan oleh agensi berkenaan*

49. Bolehkah kadar pembajaan di kawasan kebun dikurangkan untuk mengurangkan kos perbelanjaan operasi ladang?

Jawapan:

- *Boleh, setelah mendapat kelulusan FELDA seperti syor yang dibuat oleh FELDA Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB). Ini kerana kos baja merupakan 35 -40 % daripada kos operasi ladang. Pembajaan merupakan elemen yang penting untuk mendapatkan hasil yang tinggi. Pengurangan kadar baja akan menjejaskan pertumbuhan pokok yang turut menjejaskan hasil.*

50. Bolehkan ahli blok bekerja atau menjadi kontraktor di blok sendiri?

Jawapan:

Ahli blok amat digalakkan untuk bekerja atau menjadi kontraktor di blok sendiri tetapi perlu mematuhi penentuan kerja dan spesifikasi yang ditetapkan.

51. Bagaimana hendak menggalakkan penyertaan dan penglibatan peneroka dan koperasi dalam pelaksanaan kerja-kerja tanam semula?

Jawapan:

Peneroka digalakkan bekerja dengan kontraktor yang dilantik oleh FELDA atau sebagai buruh harian, terutama bagi kerja yang tidak melibatkan mekanisasi

52. Adakah benar dakwaan peneroka bahawa bayaran sara hidup yang diberi oleh FELDA menyebabkan peneroka menanggung hutang seumur hidup?

Jawapan:

- *FELDA menyediakan kemudahan sara hidup kepada peneroka yang tanam semula. Terpulang kepada peneroka untuk memilih sama ada mengambil sara hidup atau tidak. Sara hidup merupakan pendapatan sementara sebelum kebun berhasil untuk menampung perbelanjaan keluarga dan dikira sebagai hutang peribadi. Sara hidup di bayar apabila kawasan kebun mula ditebang*
- *Peneroka tidak menanggung hutang seumur hidup dan perlu dibayar dalam tempoh 15 tahun. Bayaran akan dikutip daripada hasil ladang*

53. Adakah FELDA memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja tempatan terutama para belia, dalam kerja-kerja ladang?

Jawapan:

FELDA sentiasa menggalakkan penglibatan pekerja tempatan terutama belia dalam melaksanakan kerja-kerja ladang sama ada bekerja dengan koperasi, pemborong yang di lantik atau pun mengambil kontrak secara individu

54. Apakah langkah jangka panjang yang diambil oleh FELDA untuk mengatasi masalah tenaga kerja di kebun?

Jawapan:

FELDA menggalakkan penglibatan belia dan warga peneroka dalam urusan kerja kebun dengan menjadikan kerja ladang menarik bagi mereka dan boleh mendatangkan pendapatan lumayan. Ini dilakukan dengan menambah baik kemudahan dan prasarana, meningkatkan penggunaan teknologi baru dan mekanisasi ladang serta mengadakan insentif seperti elaun rumah, motor, EPF dan Socso.

55. Apakah peranan peneroka sebagai tuan tanah dalam memastikan kerja tanam semula dapat dilaksanakan dengan baik?

Jawapan:

- *Peneroka perlu mengesahkan batu sempadan*
- *Peneroka boleh memantau dan memberi teguran kepada FTPSB melalui Mesyuarat Jawatan Kuasa Tanam Semula di rancangan*
- *Peneroka perlu mengesahkan bilangan dirian pokok mencukupi selepas kerja menanam telah disiapkan.*
- *Peneroka yang berupaya digalakkan bekerja di lot sendiri dan akan dibayar upah kerja.*

56. Apakah tindakan yang diambil oleh FELDA untuk memperbaiki mutu kerja tanam semula oleh FTPSB?

Jawapan:

FELDA telah mengenal pasti terdapat beberapa kelemahan yang berlaku di dalam mutu kerja tanam semula adalah disebabkan beberapa faktor iaitu:-

- *kekurangan tenaga kerja ladang*
- *kemampuan pemborong*
- *mutu pengawasan dan penguatkuasaan*
- *kemahiran mengurus*

Oleh itu tindakan yang diambil oleh FELDA adalah :

- *menambah tenaga buruh melalui kemasukan buruh asing*
- *melibatkan tenaga kerja tempatan terutama warga FELDA*
- *warga FELDA digalakkan turut sama menyertai kerja-kerja ladang sebagai usaha menambah pendapatan*
- *kecekapan badan-badan peneroka khususnya koperasi dipertingkatkan melalui khidmat nasihat dan bimbingan*
- *mengambil tindakan ke atas kakitangan yang lemah*

- *mengenakan denda kepada pemborong yang cuai atau tidak menurut spesifikasi kerja dan menamatkan pemborong yang lemah atau mengencilkan kawasan kerja bagi pemborong yang kurang berkemampuan*
- *meningkatkan kesedaran para peneroka terhadap mutu ladang yang baik dan penghasilan yang tinggi*

57. Bolehkah pewaris yang menggantikan ibu bapa (peneroka) yang telah meninggal dunia, memajak atau menggadai tanah yang sedang diuruskan oleh FTPSB?

Jawapan:

- *Pewaris tidak dibenarkan memajak atau menggadai kebun yang diuruskan oleh FTPSB kerana sekatan kepentingan di dalam hak milik yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.*
- *Peneroka juga masih berhutang Bayaran Kembali dengan FELDA.*

KEWANGAN

1 Berapakah kadar bayaran sara hidup dan pendahuluan hasil yang dibayar kepada peneroka?

Jawapan:

- *Peneroka diberi bantuan sara hidup dan pendahuluan pendapatan bagi membantu mereka meneruskan kehidupan sementara menunggu pokok berhasil.*
- *Kadar bayaran sara hidup dan pendahuluan hasil adalah mengikut Arahan Kewangan Bil. 15 seperti jadual di bawah.*

Tahun	Kadar Seekar/Sebulan	Catatan
Kelapa Sawit		
1	RM100	Sara hidup
2	RM120	
3	RM130	
4 hingga 5	RM140	Pendahuluan
6 hingga 8	RM150	Pendapatan
Getah		
1	RM100	Sara hidup
2	RM120	
3 hingga 6	RM130	

2 Bagaimanakah kadar bayaran ini ditentukan?

Jawapan:

Kadar bayaran sara hidup dan pendahuluan hasil ditentukan berdasarkan kepada kajian purata keperluan perbelanjaan sesebuah keluarga dan pendapatan yang melebihi paras kemiskinan negara.

3 Adakah FELDA akan membayar pendahuluan hasil kepada peneroka yang tidak mengambil sara hidup tetapi bersetuju kekal dengan FELDA selepas 36 bulan.?

Jawapan:

FELDA akan membayar pendahuluan hasil seperti kadar yang telah ditetapkan melalui Arahan Kewangan Bil. 15.

4 Apakah kaedah penentuan bayaran sara hidup, sama ada mengikut keluasan atau pegangan (luas)?

Jawapan:

- *Kadar bayaran sara hidup dibayar mengikut saiz pegangan (holding size) di sesebuah rancangan.*
- *Saiz pegangan adalah purata keluasan individu sepertimana dalam perjanjian sama ada 8, 10, 12 atau 14 ekar.*

5 Berapa lamakah tempoh sara hidup dibayar bagi peneroka getah?

Jawapan:

- *Bayaran sara hidup peneroka getah diberi sehingga 72 bulan (6 tahun) atau pokok getah mula mengeluarkan hasil, yang mana lebih dahulu.*

6 Siapakah yang berhak mengeluarkan hasil selepas wang jualan kayu getah dibayar kepada peneroka?

Jawapan:

- *Hasil tersebut akan diuruskan oleh FELDA setelah peneroka mendapat bayaran wang kayu getah sepenuhnya dan bayaran sara hidup.*
- *Hasil tersebut akan diuruskan dan dimasukkan ke dalam akaun FELDA mengikut Surat Pekeliling TPB (Operasi) Bil 6/2007 bertajuk Panduan Pengeluaran Kayu Getah.*

- 7 Bolehkah cukai ses getah (wang potongan bantuan tanam semula getah) dikembalikan kepada peneroka?**

Jawapan:

Tidak. Kutipan ses diurus oleh RISDA melalui jualan hasil getah sebanyak 14 sen sekilogram. Wang ses digunakan untuk membiayai kos pembangunan tanam semula yang didahulukan oleh FELDA, sama ada tanaman dari getah ke getah atau getah ke sawit. Kadar yang diterima pada masa sekarang adalah RM 7,000 sehektar bagi tanaman getah ke getah manakala sawit ke getah adalah RM6,000 sehektar.

- 8 Bilakah potongan wang tabung tanam semula kali kedua dibuat?**

Jawapan:

Potongan wang tabung tanam semula kali kedua akan mula dikutip apabila pokok mula berhasil dengan kutipan sebanyak RM10 seekar sebulan bagi tempoh 20 tahun.

- 9 Bolehkah paysheet individu diwujudkan bagi peneroka tanam semula sendiri?**

Jawapan:

Boleh kerana ini adalah usaha menarik minat peneroka untuk menyertai tanam semula bersama FELDA dan mereka berpeluang menikmati kemudahan yang disediakan oleh FELDA

- 10 Mengapakah levi pengurusan kebun yang diuruskan oleh FTPSB dikenakan kepada peneroka?**

Jawapan:

- *Bagi sawit, levi pengurusan dikenakan kepada peneroka sebagai bayaran kos pengurusan atau kos pentadbiran bagi menguruskan kebun secara komersial. Ianya ditanggung oleh FELDA mulai bulan pertama hingga 36 bulan. Mulai bulan ke 37 dan seterusnya, levi akan dikenakan kepada*

peneroka dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos operasi ladang.

- *Bagi getah pula, levi pengurusan ditanggung oleh FELDA bagi bulan pertama hingga 72 bulan atau berhasil. Mulai bulan ke 73 atau mula berhasil dan bulan seterusnya, levi akan dikenakan kepada peneroka dan dimasukkan sebagai sebahagian kos operasi ladang*

11 Berapakah kos pembangunan semasa tanam semula sawit dan getah?

Jawapan:

- *Bagi kelapa sawit, kos sebenar tanam semula adalah berdasarkan harga tender. Pada asasnya purata yang digunakan ialah RM5,200 sehektar bagi tempoh 36 bulan dari mula tebang.*
- *Bagi getah, kos sebenar tanam semula juga berdasarkan harga tender. Pada asasnya purata yang digunakan ialah mengikut jumlah bantuan RISDA RM7,000 sehektar bagi tempoh 72 bulan dari mula tebang.*

12 Adakah peneroka akan dikenakan kos pembangunan tambahan sekiranya peruntukan tidak mencukupi?

Jawapan:

Bagi tanaman kelapa sawit, kos pembangunan tambahan tidak dikenakan. Bagi tanaman getah ke sawit, kos pembangunan tambahan akan ditanggung oleh peneroka kerana tiada caruman dibuat oleh peneroka getah dalam Tabung Tanam Semula.

13 Apakah yang dikategorikan sebagai kos tanggungan bersama (*common cost*) dan kos tanggungan individu?

Jawapan:

- *Kos tanggungan bersama ialah kos yang digunakan untuk kerja pembangunan tanam semula yang melibatkan aktiviti secara berkelompok di mana faedah diperoleh secara bersama seperti membuat jalan pertanian, pemetung, parit serta kawalan musuh dan penyakit.*

- *Kos tanggungan individu ialah sara hidup dan pendahuluan hasil sahaja*

14 Berapakah bayaran upah yang diperolehi oleh peneroka jika ingin bekerja sendiri di kebun?

Jawapan:

Peneroka yang bekerja sendiri di kebun akan dibayar upah mengikut kadar semasa yang telah disyorkan oleh Malayan Agricultural Producers Association (MAPA). Tambahan insentif ialah seperti SOCSO, elaun kehadiran, elaun motor, elaun tempat tinggal, rawatan di hospital kerajaan, KWSP dan cuti tahunan bergaji mengikut kelayakan.

15 Bilakah akaun tanam semula dikunci dan bilakah peneroka mendapat pendapatan sebenar setelah dikunci?

Jawapan:

- *Akaun tanam semula dikunci apabila kadar Bayaran Kembali di bawah RM150/peneroka sebulan, mengikut perkiraan berdasarkan keluasan 10 ekar. Kebiasaannya ini berlaku pada awal tahun keempat berhasil*
- *Peneroka mendapat pendapatan bersih apabila pendapatan kebun ditolak dengan kos operasi semasa dan Bayaran Kembali.*

16 Bolehkah penyata hutang peneroka di bentangkan setiap bulan di mesyuarat jawatan kuasa tanam semula?

Jawapan:

- *Mengikut surat perjanjian tanam semula, penyata hutang peneroka akan dibentangkan setiap tiga bulan selepas titik pulang modal*
- *Perbelanjaan sebenar boleh didapati setiap bulan dengan merujuk kepada pengurusan FELDA atau FTPSB di rancangan*
- *Wakil blok digalakkan untuk memaklumkan penyata perbelanjaan kepada ahli melalui mesyuarat blok*

17 Bagaimana bayaran lebih hasil dilaksanakan dan siapakah yang layak mendapat bayaran tersebut?

Jawapan:

- *Lebih Hasil bermaksud pendapatan daripada hasil setelah ditolak kos operasi kebun, Pendahuluan Hasil (PH) yang didahulukan oleh FELDA serta Bayaran Kembali Sementara (BKS) yang ditetapkan. Jika terdapat lebihan, maka ia akan dibayar kepada peneroka setiap akhir bulan berikutnya*
- *Penentuan bayaran lebihan hasil adalah bergantung kepada perolehan hasil yang melebihi 15 tan sehektar setahun (atau 1.4 tan sebulan) dan harga semasa di paras tidak kurang RM500 se tan*

18 Bolehkah sistem akaun peneroka tanam semula ini dibuat secara individu atau blok, selain daripada sistem kelompok secara berperingkat?

Jawapan:

Sistem akaun peneroka tanam semula tidak boleh dibuat secara individu tetapi dibenarkan secara blok. Kos operasi akan dipuratakan mengikut peringkat atau blok yang meliputi kos kutipan (tuai dan angkut). Pendapatan peneroka berdasarkan hasil yang diperolehi mengikut blok masing-masing dan lebihan pendapatan berdasarkan keluasan lot peneroka

19 Bolehkah peneroka memohon tambahan bayaran pendahuluan hasil?

Jawapan:

Tambahan bayaran pendahuluan hasil tidak boleh dilaksanakan. Pendahuluan Hasil (PH) akan dibayar mengikut ketetapan yang diputuskan seperti Arahan Kewangan Bil. 15.

20 Bilakah tempoh yang diperlukan untuk melunaskan bayaran kembali dan bagaimanakah penentuan bayaran kembali dibuat?

Jawapan:

- *Bayaran kembali boleh dilunaskan dalam tempoh 15 tahun berdasarkan akaun individu. Bayaran ini ditolak daripada penjualan hasil kebun*
- *Jumlah bayaran kembali ialah termasuk sara hidup, pendahuluan hasil yang diambil oleh peneroka serta kos operasi ladang, setelah di campur dengan kadar faedah 6.25% yang dikenakan sekali sahaja ke atas jumlah tersebut.*

21 Mengapa berlaku bayaran lebih hasil yang berbeza bagi dua peringkat yang dituai pada tahun yang sama?

Jawapan:

Keadaan ini berlaku disebabkan perolehan hasil dan kos operasi yang berbeza bagi setiap peringkat.

22 Adakah kebun peneroka yang telah berhasil dan ditutup kira-kira dilindungi oleh insurans?

Jawapan:

Ya, semua kebun peneroka diinsuranskan selagi bersama FELDA dan peneroka dikehendaki mencarum dengan kadar RM10 seekor setahun

23 Adakah hutang lama peneroka generasi pertama diambil kira setelah kawasan kebun tanam semula berhasil?

Jawapan:

- *Ya, hutang lama peneroka seperti BK, baja, CAC dan lain-lain diambil kira sebagai BK apabila kebun yang telah ditanam semula berhasil.*
- *BK tersebut perlu dibayar oleh peneroka atau pengganti peneroka.*

TANAM SEMULA SENDIRI

1 Kenapa peneroka tidak dibenarkan untuk membuat kerja tanam semula sendiri?

Jawapan:

Kelebihan membuat kerja tanam semula bersama FELDA ialah:

- *Pengurusan kebun dijalankan secara berkelompok.*
- *Kos dapat dikawal di tahap yang rendah*
- *Kebun diurus secara profesional*
- *Menggunakan bahan tanaman yang dijamin berkualiti*
- *Pengurusan lebih berpengalaman*
- *Sumber dana yang sedia ada*

2 Bolehkah peneroka yang tanam semula sendiri mengeluarkan wang tabung tanam semula?

Jawapan:

- *Bayaran tanam semula sendiri akan diberikan dalam bentuk tunai sebanyak RM850/ekar setelah disahkan oleh pengurusan FELDA bahawa peneroka berkenaan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Manakala bakinya akan diberi dalam bentuk input pertanian seperti baja, kimia dan kos membaiki jalan pertanian yang diuruskan oleh FELDA.*
- *Rujuk surat pekeliling TPB- Operasi 2/2008 bertajuk Kaedah Baru Bayaran Tanam Semula Sendiri Berbentuk Bahan bagi baki RM850 Seekor Kepada Peneroka.*

3 Adakah pokok asal peneroka yang tanam semula sendiri akan dikekalkan sekiranya peneroka tersebut menyertai tanam semula sendiri dengan FELDA?

Jawapan:

FELDA akan mengesahkan terlebih dahulu sumber bahan tanaman yang ditanam dan juga keadaan kesuburan pokok serta hasil diperoleh. Sekiranya

sumber bahan tanaman diragui, FELDA akan menggantikan dengan bahan tanaman yang bermutu tinggi

- 4 Bolehkah perbelanjaan peneroka tanam semula sendiri yang baru menyertai FELDA dikira sama seperti kos pembangunan peneroka yang telah lama tanam semula bersama FELDA?**

Jawapan:

- *Kos operasi peneroka yang baru dan lama tanam semula bersama FELDA dikira secara berasingan.*
- *Jika pemulihan dilaksanakan oleh FELDA, kos dikira mengikut akaun individu.*
- *Jika pemulihan dilaksanakan oleh FTPSB, akaun peneroka akan dipecahkan mengikut tiga kategori iaitu peneroka ambil alih, peneroka belum tanam semula dan peneroka tanam semula sendiri.*
- *Kos bersama seperti jalan pertanian, parit dan kawalan musuh & penyakit akan ditanggung oleh semua peneroka yang terlibat.*

- 5 Bolehkah peneroka yang tanam semula sendiri menyertai program tanam semula bersama FELDA?**

Jawapan:

Ya, peneroka tersebut boleh menyertai tanam semula bersama FELDA. Pemeriksaan akan dibuat oleh Pengurus FTPSB bagi memastikan sumber bahan tanaman berkualiti dan keadaan pokok subur. FELDA akan menanam semula sekiranya didapati bahan tanaman asal diragui dan keadaan pokok tidak subur.

- 6 Adakah Peneroka yang tanam sendiri patut menanggung kos penjagaan jalan pertanian dan lain-lain kos sebagaimana yang dikenakan kepada peneroka yang tanam semula dengan FELDA?**

Jawapan:

- *Ya, peneroka yang tanam semula sendiri juga menggunakan jalan pertanian tetapi pada masa sekarang mereka tiada sumbangan dalam penjagaan jalan pertanian.*
- *Pengurusan FELDA dengan kerjasama JKRR, JKKK atau Pertubuhan Peneroka perlu berunding dengan peneroka tanam semula sendiri untuk membuat kutipan sementara bagi menyelenggarakan jalan pertanian dan kerja-kerja lain seperti membaiki parit, pembersihan sempadan serta kawalan musuh dan penyakit.*

7 Benarkah dakwaan peneroka yang tanam semula sendiri memperoleh pendapatan yang lebih tinggi berbanding peneroka yang diurus oleh FTPSB?

Jawapan:

- *Dakwaan ini tidak benar kerana pendapatan peneroka yang kebunnya diuruskan oleh FTPSB merupakan pendapatan bersih setelah ditolak kesemua kos operasi ladang.*
- *Pendapatan peneroka tanam semula sendiri pula merupakan pendapatan kasar yang belum ditolak kos operasi.*

8 Kenapakah wang tabung tanam semula tidak dipulangkan kesemuanya kepada peneroka yang tanam semula sendiri?

Jawapan:

- *Peneroka mencarum untuk tabung tanam semula sebanyak RM4.00 se ekar selama 20 tahun. Purata keseluruhan caruman peneroka adalah RM8,500 bagi peneroka yang memiliki 10 ekar kebun.*
- *FELDA memulangkan semua wang caruman kepada peneroka dalam bentuk tunai sebanyak RM850/ekar atau RM8,500 bagi seorang peneroka.*
- *Bakinya wang tersebut dibiayai oleh FELDA tetap dipulangkan kepada peneroka tanam semula sendiri tetapi dalam bentuk bahan input pertanian.*